



SYARAT KEMASUKAN TINGKATAN 1 KE MADRASAH MODEN TERENGGANU NEGERI TERENGGANU (MMTNT) SESI 2020

Murid tahun enam (6) yang menduduki UPSR 2019 berminat untuk memasuki tingkatan 1 di Madrasah Moden Terengganu Negeri Terengganu (MMTNT) pada tahun 2020 adalah dipelawa untuk membuat permohonan secara *online* melalui laman sesawang smaonline.terengganu.gov.my yang akan mula dibuka sehari selepas keputusan UPSR 2019 diumumkan. Permohonan dibuka selama seminggu sahaja (21-27 November 2019).

Senarai Madrasah Moden Terengganu Negeri Terengganu (MMTNT) yang boleh dipilih:-

1. Madrasah Moden Terengganu Kuala Nerus (MMTKN) – Lelaki sahaja.
2. Madrasah Moden Terengganu Besut (MMTB) – Lelaki sahaja.
3. Madrasah Moden Terengganu Hulu Terengganu (MMTHT) – Perempuan sahaja.

Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:-

1. Pemohon perlulah mendapat sekurang-kurangnya 18 unit dan TANPA E dalam peperiksaan UPSR 2019.
2. Pemohon mestilah warganegara Malaysia dan kerakyatan Negeri Terengganu ATAU
 - a. Bapa lahir di Terengganu Darul Iman ATAU
 - b. Ibubapa telah bermastautin di Terengganu terus-menerus tidak kurang dari 10 tahun.
 - c. Mempunyai niat serta bukti-bukti yang menunjukkan akan menetap di negeri Terengganu.
3. Lulus ujian UPKK atau setaraf dengannya.
4. Lulus ujian UPSRI dengan pangkat Jayyid Jiddan dan ke atas.
5. Lulus dalam sesi temuduga yang merangkumi Ujian Bahasa Melayu, Bahasa Arab, Penulisan Jawi, bacaan Al-Quran dan personaliti yang baik.
6. Bersetuju menerima sistem berasaskan pondok.
7. Mempunyai peperiksaan PT3 dan SPM. Menggunakan pakai Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).
8. Bersetuju menerima MMTNT yang ditawarkan. Penempatan pelajar berdasarkan kekosongan yang ada dan ditetapkan oleh pihak Bahagian Pendidikan, JHEAT dan Pengurusan MMTNT.
9. Bersetuju menerima peraturan WAJIB tinggal di asrama sepenuhnya.
10. Bersetuju mematuhi sepenuhnya semua peraturan dan arahan daripada MMTNT yang berkaitan.

Semakan permohonan, panggilan temuduga dan surat tawaran boleh dibuat dari semasa ke semasa melalui laman sesawang smaonline.terengganu.gov.my